



MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada syarikat yang masih sah berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam Gred, Kategori, Pengkhususan atau Kod Bidang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja seperti yang berikut:-

BUTIR-BUTIR TENDER	KOD BIDANG / KELAYAKAN	TARIKH/HARGA/ TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH/MASA TUTUP & LOKASI PENGHANTARAN DOKUMEN TENDER
<p>NO. TENDER MPPD T/08/2021</p> <p>CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI TAMAN GREENVIEW, PORT DICKSON</p> <p>NO. TENDER MPPD T/10/2021</p> <p>CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI TAMAN SAMUDERA, PORT DICKSON</p>	<p><u>(BUMIPUTERA)</u></p> <p>GRED : G3</p> <p>KATEGORI : CE</p> <p>PENGGHUSUSAN: CE01 & CE21</p>	<p><u>TARIKH DIJUAL</u> 29 NOVEMBER 2021 (ISNIN) HINGGA 20 DISEMBER 2021 (ISNIN)</p> <p><u>HARGA DOKUMEN</u> RM 400.00 (TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN)</p> <p><u>TEMPAT DOKUMEN DIJUAL</u> BAHAGIAN PEROLEHAN, PENGURUSAN ASET & STOR, MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON</p>	<p><u>TARIKH TUTUP</u> 20 DISEMBER 2021 (ISNIN) 12.00 TENGAH HARI</p> <p><u>LOKASI PENGHANTARAN DOKUMEN TENDER</u> PETI TENDER BAHAGIAN PEROLEHAN, PENGURUSAN ASET & STOR, MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON</p>
<p>NO. TENDER MPPD T/09/2021</p> <p>CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI TAMAN INTAN DUYUNG, PORT DICKSON</p>	<p><u>(BUMIPUTERA)</u></p> <p>GRED : G4</p> <p>KATEGORI : CE</p> <p>PENGGHUSUSAN: CE01 & CE21</p>		
<p>SESI TAKLIMAT DIWAJIBKAN. BERKUMPUL DI DEWAN MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON PADA 29 NOVEMBER 2021 JAM 9.00 PAGI.</p>			

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan diperolehi di Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset dan Stor, Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) semasa waktu pejabat. Dokumen tawaran mula dijual pada tarikh yang telah ditetapkan seperti di atas dan tidak akan dijual selepas tempoh tersebut. Sila lawati laman web di <http://www.mppd.gov.my> untuk iklan tender ini.

Kontraktor-kontraktor yang ingin memasuki tender ini hendaklah membawa sijil asal **SSM, Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Pendaftaran Pusat Khidmat Kontraktor Taraf Bumiputera (PKK)** yang belum tamat tempoh serta Kad Pengenalan dan Cap Syarikat semasa menghadiri taklimat, dan pembelian dokumen tender. Hanya penama yang terdapat di dalam Sijil PKK dibenarkan hadir dan wakil tidak dibenarkan.

Para petender yang ingin memasuki tawaran kerja berkenaan hendaklah berdaftar dengan MPPD terlebih dahulu **sebelum atau pada 26.11.2021**. Pembayaran pendaftaran adalah sebanyak RM 50.00. Untuk makluman, Kaunter Bayaran Utama MPPD beroperasi dari jam 8.30 pagi sehingga jam 2.00 petang pada waktu pejabat dan cara pembayaran adalah secara tunai/Debit Kad/Kredit kad/ *Bankers Cheque* (Yang Dipertua Majlis Perbandaran Port Dickson). **Bayaran bagi pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan.**

Dokumen tawaran yang telah sempurna hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan tawaran kerja yang berkenaan di sebelah kiri atas sampul surat dan dimasukkan ke dalam peti tawaran.

Majlis Perbandaran Port Dickson **tidak terikat** untuk menerima tawaran terendah ataupun sebarang kelewatan. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen tender yang tidak terdapat di dalam Peti Tender setelah Peti Tender dibuka.

Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan dan keputusan Majlis Perbandaran Port Dickson adalah muktamad.
Sebarang rayuan atau surat menyurat adalah **tidak dilayan**.

*Pendaftaran: T1 - Syarikat yang 100% milik tempatan (Warganegara).

Tandatangan : 

Nama Pegawai : MOHD ZAMRI BIN MOHD-ESA
Yang Dipertua

Jawatan : Majlis Perbandaran Port Dickson

Tarikh : 16 NOV 2014